

## KERATAN AKHBAR

---

TARIKH : 12 MAC 2023  
AKHBAR : SINAR AHAD  
MUKA SURAT : 27

### ECERDC rai peserta empower MNE Kelantan

## ECERDC rai peserta *empower* MNE Kelantan

**KOTA BHARU** - Seramai 150 peserta Program Reskilling & Upskilling: Empower ECER Micro/New Entrepreneurship Development 2022 (MNE) dari setiap daerah iaitu Tumpat dan Gua Musang diraikan dalam Majlis Apresiasi di sini baru-baru ini.

Majlis disempurnakan oleh Menteri Besar Kelantan, Datuk Ahmad Yakob, diiringi Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC), Datuk Baidzawi Che Mat.

Program yang telah bermula pada April hingga Oktober 2022 itu telah menawarkan empat kursus iaitu *Food Preneur*, *Jahitan*, *Mobile Spa* dan *Mobilegrafi & Digital Pemasaran*.

Pada majlis tersebut, empat usahawan telah dipilih sebagai peserta terbaik bagi mewakili kursus yang ditawarkan

iaitu Zulkifli Aftarular dari kursus *Food Preneur*, Wan Nur Aqila Wan Roslan (Jahitan), Che Siti Roslaini Che Roslan (*Mobile Spa*) dan Rohani Shah Mustapha (*Mobilegrafi dan Digital Pemasaran*).

Pemilihan dibuat berdasarkan peningkatan pendapatan tertinggi yang berjaya diraih selepas mengikuti program Empower ECER dengan kesemua mereka telah meraih peningkatan pendapatan sebanyak tiga kali ganda.

Salah seorang peserta, Rohani, yang hanya meraih pendapatan RM800 telah meningkat kepada RM5,199.30 selepas menyertai program berkenaan.

Program MNE adalah salah satu projek usaha sama ECERDC dengan Universiti Teknologi MARA (UiTM) telah terbukti memberi manfaat kepada semua usahawan terpilih.



Empat usahawan terbaik bergambar bersama Ahmad (tengah) di Majlis Apresiasi baru-baru ini.